



BERSAMA PELAJAR UNVERISITI... Mohd Arifin (duduk berbaju putih tengah) bersama lebih 40 pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke beberapa universiti.

Jangan sia-siakan peluang belajar di menara gading: Arifin

NST 13.8.2018 8

MEMBAKUT: Golongan pelajar yang diberikan peluang untuk menimba ilmu dengan memasuki menara gading agar tidak mensia-siakan peluang diberikan sebaliknya memberikan tumpuan terhadap pelajaran mereka.

Ahli Dewan Undangan Negeri Membakut, Datuk Haji Mohd Arifin Haji Mohd Arif berkata tidak semua pelajar yang dapat menimba ilmu hingga ke peringkat itu dari itu mereka wajar memberikan tumpuan terhadap pembelajaran mereka dan terus berusaha untuk menjadi pelajar yang cemerlang.

Berucap meraikan lebih 40 pelajar terdiri dari anak-anak dari kawasan Dewan Undangan Negeri Membakut dalam Program Ambang Menara Gading di kediaman beliau di Kampung Pimping Membakut, beliau menasihatkan mereka agar tidak melupakan jasa guru-guru dan ibu bapa yang banyak menabur bakti atas kejayaan mereka.

Para pelajar yang hadir telah berjaya melanjutkan pelajar di beberapa buah universiti tempatan di negara ini.

Beliau juga menasihatkan mereka agar menimba pengalaman berpersatuan dan pergaulan dengan pelbagai negeri, bangsa dan agama semasa berada di universiti.

Mohd Arifin berkata Slogan Membangun Den-

gan Ilmu yang beliau terapkan selama ini akan terus diperkasakan untuk Membakut.

Beliau berkata kesannya nampak apabila semakin bertambah bilangan pelajar dari kawasan ini yang berjaya melangkah ke menara gading dari tahun ke tahun.

"Slogan ini juga sebagai pembakar bersemangat kepada para pelajar di kawasan ini sehingga membolehkan mereka berpeluang melanjutkan pengajian," katanya.

"Saya akan terus melakukan lawatan dan memberi motivasi kepada pelajar di semua sekolah dari masa ke semasa di tiga buah sekolah menengah, di 15 buah sekolah rendah kebangsaan dan empat buah sekolah agama yang ada di kawasan Membakut ini," tegasnya.

Dari lebih 40 pelajar itu 21 pelajar menuntut di Univerisiti Malaysia Sabah (UMS), enam Universiti Teknologi Mara Malaysia (UITM), empat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), tiga Universiti Sains Malaysia, tiga Universiti Teknologi Malaysia, dua Universiti Malaysia Sarawak dan dua Universiti Malaya.

Turut diadakan pada program itu ialah sesi motivasi oleh Sufian Osman dari UMS serta sumbangan peribadi oleh Mohd Arifin. **-OLEH HMAHM**



MOTIVASI... Mohd Arifin sedang memberikan motivasi kepada para pelajar itu.



KENANGAN... Mohd Arifin bersama anak-anak Membakut yang berjaya memasuki i Universiti Malaysia Sabah (UMS).